

## RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

### NO. RAYUAN TRK (E) 10-2014

#### FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat berhad yang telah diperbadankan dengan pertukaran nama syarikat pada 15 November 1989. Perayu menjalankan perniagaan mengilang pelbagai produk minuman keras (beralkohol).
2. Hak untuk mengilang minuman keras (beralkohol) terletak pada Guinness Anchor Marketing Sdn. Bhd. (GAMSB) melalui perjanjian pelesenan dengan pemilik jenama. GAMSMB adalah anak syarikat milik penuh Perayu.
3. GAMSMB telah melantik Perayu sebagai pengilang manakala GAMSMB bertindak sebagai pemasar/pengedar bagi barangan yang dikilang oleh Perayu. Perayu telah membayar duti eksais dan cukai jualan bagi barangan tersebut.
4. Berkuatkuasa 1 Mei 2011, Perayu telah membayar duti eksais dan cukai jualan berasaskan “harga jualan barang siap” yang telah diluluskan oleh Bahagian Perkhidmatan Teknik, Cawangan Penilaian, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dalam surat bertarikh 11 Januari 2012.
5. Semasa pengauditan harga pindahan (*transfer pricing*), Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, WPKL melalui surat bertarikh 4 Oktober 2013 (Penentuan Harga Pindahan Bagi Tujuan Pembayaran Duti Eksais Dan Cukai Jualan) telah mengarahkan Perayu mengemukakan permohonan baru harga pindahan untuk minuman keras yang dikilang oleh Perayu dan dijual kepada GAMSMB bagi tujuan pembayaran duti eksais dan cukai jualan. Perayu telah melaksanakan arahan ini melalui surat bertarikh 14 Oktober 2013.

6. Melalui surat bertarikh 31 Oktober 2013 (Penentuan Harga Pasaran Terbuka Eksais Bagi Tujuan Pembayaran Duti Eksais Dan Cukai Jualan Berkuatkuasa 1 November 2013), Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, WPKL telah memaklumkan keputusan penetapan Harga Pasaran Terbuka Eksais dan Harga Jualan bagi barangan keluaran syarikat Perayu yang akan berkuatkuasa mulai 1 November 2013. Perayu telah diarahkan menggunakan harga yang diluluskan semasa membuat pembayaran duti eksais dan cukai jualan.
7. Perayu tidak bersetuju dengan keputusan di atas dan telah kemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah Kastam (KPK) sepertimana surat bertarikh 31 Oktober 2013. KPK telah menolak rayuan Perayu melalui surat bertarikh 6 Januari 2014 yang ditandatangani oleh Dato' Haji Hassan bin Haji Ibrahim, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, Putrajaya.
8. Pada 22 April 2014, Perayu sekali lagi kemukakan surat rayuan kepada KPK. Melalui surat bertarikh 21 Mei 2014 (Perayu terima pada 3 Jun 2014) yang ditandatangani oleh Encik Abdullah bin Sidik, Pengarah Kastam, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, Putrajaya, Perayu dimaklumkan bahawa rayuan Perayu telah ditolak oleh KPK.
9. Berikutan keputusan JKDM, Perayu telah membayar duti eksais dan cukai jualan tambahan sebanyak RM7,538,546.00 bagi tempoh 1 November 2013 hingga 15 Januari 2014. Perayu telah membayar duti eksais dan cukai jualan tambahan tersebut secara "Bayaran Dengan Bantahan".
10. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan KPK dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 27 Jun 2014. Perayu berpendapat duti eksais dan cukai jualan telah dikenakan secara salah dan memohon remedi pulang balik duti eksais dan cukai jualan sebanyak RM7,538,546.00 yang telah dibayar dari 1 November 2013 hingga 15 Januari 2014.

11. Dalam Notis Rayuan (Borang A) Perayu telah kemukakan alasan berikut:
- i. Undang-undang tidak membenarkan JKDM mengambil kira *genuine costs* (i.e. kos pengiklanan dan promosi, bayaran royalti dan kos perhubungan awam korporat) dalam menentukan “Nilai”.
  - ii. JKDM terikat dengan keputusan Bahagian Perkhidmatan Teknik, Cawangan Penilaian, JKDM, WPKL dalam surat bertarikh 11 Januari 2012.
  - iii. Memasukkan *genuine costs* semasa pembuat penilaian adalah bertentangan dengan amalan biasa.
  - iv. Tiada perubahan dalam undang-undang yang mewajarkan JKDM mengubah kaedah penilaian.
  - v. Mengambil kira *genuine costs* yang ditanggung oleh pihak lain dalam menentukan “Nilai” adalah bertentangan dengan seksyen 2 Akta Eksais 1976.
  - vi. JKDM telah membuat keputusan secara *arbitrary, oppressive* dan *selective*.
  - vii. Berlaku diskriminasi ke atas Perayu apabila keputusan JKDM ke atas Perayu dikuatkuasakan pada tarikh yang berbeza dengan tarikh kuatkuasa keputusan atas industri.

## **ISU**

1. Penentuan “Nilai” barangan berdasarkan peruntukan seksyen 2 Akta Eksais 1976.
2. Penentuan harga pindahan (*transfer pricing*) bagi tujuan pembayaran duti eksais dan cukai jualan.

(Rayuan telah ditetapkan untuk sebutan beberapa kali atas alasan Perayu telah mengemukakan rayuan kepada Kementerian Kewangan. Pada tarikh sebutan rayuan 2 April 2015, Perayu telah memaklumkan kepada Tribunal bahawa keputusan Kementerian Kewangan masih belum diperolehi. Seterusnya Perayu memohon menarik balik rayuan dengan kebebasan memfailkan semula rayuan)

## **KEPUTUSAN**

Rayuan dibatalkan.

2 April 2015